

Mesir

Mesir ([Bahasa Arab](#): مصر *Miṣr*) merupakan sebuah negara di Afrika Utara. Mesir bersempadan dengan [Libya](#), [Sudan](#), [Jalur Gaza](#) dan [Israel](#) serta [Laut Mediterranean](#) dan [Laut Merah](#). Walaupun Mesir mempunyai keluasan tanah yang besar (1 juta km², kebanyakan penduduknya mendiami kawasan-kawasan tebing [Sungai Nil](#), terutamanya bandar [Kaherah](#) dan [Iskandariah](#).

Kawasan Mesir merupakan tapak tamadun awal Mesir Purba. Monumen-monumen Mesir Purba seperti [Piramid Giza](#), [Sphinx](#), [Kuil Luxor](#) dan sebagainya menjadi tarikan berjuta-juta pelancong luar negeri setiap tahun. Kini, Mesir merupakan antara negara Arab terpenting di [Timur Tengah](#).

Sejarah

Lembah Nil sudah menjadi kawasan petempatan kekal manusia sejak Zaman Paleolitik. Penduduk awal bertanam cucuk, memburu, serta memancing untuk menyara hidup. Menjelang 6000 S.M., kehidupan penduduk menjadi lebih berorganisasi. [Firaun](#) Menes telah menyatukan wilayah-wilayah di lembah Nil dan menubuhkan kerajaan Mesir yang pertama pada 3200 S.M. Dengan ini, pemerintahan Mesir secara [dinasti](#) bermula.

[Ibu negara](#)

(dan bandar raya terbesar) [Kaherah](#)

[Bahasa rasmi](#) [Bahasa Arab](#)

[Kerajaan](#)[Republik Semipresiden](#)

- [Presiden](#)[Hosni Mubarak](#)

- [Perdana Menteri](#)[Ahmed Nazif](#)

Penubuhan - [Mesir purbak.](#) [3150 SM](#)

- Kemerdekaan daripada [UK](#) [28 Februari 1922](#)

- Pengisytiharan republik [18 Jun 1953](#)

- [Air \(%\)](#) 0.632

[Penduduk](#) - Anggaran 2007 [77,498,000 \(-\)](#)



Dinasti-dinasti Mesir Purba

- Zaman Protodinastik (3200 - 3000 S.M.)
 - Zaman Dinasti Awal (~3000 - 2575 S.M.)
- Dinasti Pertama (~3000 - 2890 S.M.)
- Dinasti Kedua (2890 - 2575 S.M.)
- Kerajaan Lama (~2630 - ~2150 S.M.)
- Zaman Pertengahan Pertama (~2150 - 2055 S.M.)
- Kerajaan Tengah (~2030 - 1640 S.M.)
- Zaman Pertengahan Kedua (~1640 - ~1549 S.M.)
- Kerajaan Baru (1550 - 1077 S.M.) - pemerintahan [Tutankhamun](#)
- Zaman Pertengahan Ketiga (1070 - 644 S.M.)
- Zaman Lewat (672 - 330 S.M.)
- Empayar Achaemenid (penaklukan [Parsi](#) pada 525 S.M.)
- Zaman Graeco-Rom
- Dinasti Ptolemaic (305 - 30 S.M.)


Di bawah firaun Ptolemaic [cleopatra](#), Mesir ditewaskan dan ditakluk oleh Empayar [Rom](#) selepas Perang Actium. Selepas pemisahan Empayar Rom, Mesir diletakkan di bawah Empayar Rom Timur, iaitu Empayar [Byzantine](#) yang beragama [Kristian](#). Pada 639 M., Mesir dikuasai oleh kerajaan Arab yang dipimpin oleh [Khalifah](#). Pada zaman inilah penduduk Mesir memeluk agama [Islam](#). Mesir kemudiannya dijajah oleh kerajaan [Turki Uthmaniyyah](#).



Republik Arab Mesir
جمهورية مصر العربية
Gumhūriyyet Maṣr el-ʿArabiyyah



Lagu: بلادی بلادی بلادی
(Biladi, Biladi, Biladi)



Zaman Modern

[Terusan Suez](#) dibina pada 1869 dan menjadikan Mesir sebagai pusat perhubungan dan pengangkutan sedunia. Pertikaian antara kerajaan Uthmaniyyah dan British mendorong kepada pengambilan kawasan Mesir oleh pihak British pada 1914. British melantik [Husayn Kamil](#) sebagai Sultan Mesir.



Akibat gerakan [nasionalisme](#) yang hebat, British mengiytiharkan kemerdekaan Mesir pada [22 Februari 1922](#). Kerajaan baru ditubuhkan dan bersifat [raja berperlembagaan](#). Pada 1948, Mesir terlibat dalam serangan oleh negara-negara Arab terhadap Israel tetapi kalah dalam perang tersebut. Golongan nasionalis yang tidak puas hati telah menggulingkan institusi monarki pada 1952 dalam [Revolusi Mesir](#) dan mengisytiharkan Republik Arab Mesir pada 1953.

[Gamal Abdel Nasser](#) menjadi Presiden Republik pada 1954 dan mengisytiharkan kemerdekaan penuh daripada [United Kingdom](#). Tindakan Abdel Nasser memiliknegarakan Terusan Suez pada 1956 mambangkitkan kemarahan United Kingdom dan [Perancis](#), dan mengakibatkan konflik tentera, iaitu [Krisis Suez](#). Dalam [Perang Enam Hari](#) 1967, wilayah Mesir, iaitu [Semenanjung Sinai](#) dan [Jalur Gaza](#) ditakluk oleh [Israel](#).

Abdel Nasser meninggal dunia pada 1970 dan digantikan oleh [Anwar Sadat](#). Pada 1973, Mesir dan [Syria](#) melancarkan [Perang Yom Kippur](#) bagi mendapat balik wilayah Semenanjung Sinai dan [Bukit Golan](#). Campur tangan pihak [Amerika Syarikat](#) dan [Kesatuan Soviet](#) berjaya memulakan gencatan senjata. Pada 1977, Sadat menandatangani perjanjian damai dengan Israel untuk mendapatkan balik Semenanjung Sinai. Tindakannya mencetuskan kemarahan dalam kalangan penduduk Arab di dalam dan luar Mesir. Pada 1981, Sadat telah dibunuh.

Sadat digantikan oleh [Hosni Mubarak](#) yang merupakan Presiden Mesir sehingga hari ini.

